

# RM212.3 juta bina stesen MRT bertenngkat

**Anak** syarikat Sunway Construction Group Bhd (SunCon), Sunway Construction Sdn Bhd, memperolehi kontrak bernilai RM212.3 juta daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd bagi membina stesen bertenngkat di Damansara Damai, Barat Sri Damansara dan Timur Sri Damansara.

Kumpulan itu dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia semalam, berkata projek terbabit dijangka siap pada 30 September 2020 dan menyumbang secara positif kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

## Tingkat tempahan

“Kontrak ini tidak akan meningkatkan tempahan dalam tangan SunCon Group tetapi akan menambah margin keseluruhan dan memudahkan kerja penyelarasannya,” katanya.

BERNAMA